

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

وَإِنْ خِفْتُمْ شِقَاقَ بَيْنِهِمَا فَابْعَثُوا حَكَمًا مِنْ أَهْلِ  
وَحَكَمًا مِنْ أَهْلِهَا إِنْ يُرِيدُوا إِصْلَاحًا يُوَفِّقُ  
اللَّهُ بَيْنَهُمَا . إِنْ اللَّهُ كَانَ عَلِيمًا خَبِيرًا .

سورة البقرة - آية 35 .



SISTEM HAKAM DAN PERLAKSANAANNYA  
MENGIKUT ENAKMEN KELUARGA ISLAM  
NEGERI KELANTAN BIL I TAHUN 1983

O  
L  
E  
H

Ghawi @ Rawi Bin Mat Yaman  
R 25

KEHAKIMAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN KEPADA  
KULLIYAH UNDANG - UNDANG UNIVERSITI  
ISLAM ANTARABANGSA MALAYSIA BAGI  
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI  
DIPLOMA UNDANG - UNDANG DAN  
PENTADBIRAN KEHAKIMAN ISLAM.

KULLIYAH UNDANG - UNDANG  
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA  
PETALING JAYA SELANGOR  
SESI 1405/1406 H  
BERSAMAAN 1985/1986 M

## SEPATAH KATA

Segala pujian hanya bagi Allah jua, kami memuji dan menyembahnya, serta memohon pertolongan dan taubat kepadanya, dan kami berlindung dengan Allah dari segala pancaroba kejahatan yang terbit dari jiwa raga dan tingkah laku kami, Salawat dan Salam keatas junjungan Nabi Muhamad s.a.w. Semulia mulia Rasul dan Nabi, Keluarga dan Sahabat Sahabatnya dan juga sesiapa yang mengikut jejak langkah mereka dengan mengerjakan kebaikan berterusan sehingga Hari Pembalasan.

Di dahului ucapan penuh kesyukuran kehadiran Allah (s.w.t) Pencipta dan Pentadbiran sekelian Alam yang telah mengurniakan taufiq dan hidayahnya serta membekal kekuatan, keazaman dan kesabaran kepada penulis sehingga dapat mendisplinkan diri untuk menyiapkan satu latihan ilmiah yang di anggap serba kekurangan di segi isi mahu pun di segi penyusunan.

Sesungguhnya di tegaskan, bahawa latihan ini tidak mungkin dapat di kemukakan sebegini rupa, kecuali setelah penulis mendapat kerjasama dan bantuan serta panduan dan tunjuk ajar daripada pihak pihak yang telah memberi sumbangan yang di perlukan.

## II

Sehubungan dengan ini, amat wajarlah bagi penulis menghulurkan setinggi tinggi penghargaan kepada semua tenaga Pengajar Kursus Diploma Undang Undang dan Pentadbiran Kehakiman Islam sesi 1985/1986 - Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, kerana mereka tanpa menghirau penat lelah menyumbangkan ilmu pengetahuan yang berhubung dengan tajuk kursus, dan menyampaikan kaedah kaedah dan Idea idea mengenai penulisan kepada penulis sama ada semasa Kuliah atau tutorial, lebih lebih lagi penghargaan ini di tujukan kepada Ustaz Abdullah Abu Bakar sebagai Penyelia kepada kertas projek ini yang telah memberi tunjuk ajar dan bimbingan yang sangat di perlukan oleh penulis sepanjang tempuh menyiapkan latihan ini.

Di samping itu penulis melahirkan sepenuh kasih sayang dan terima kasih kepada Allahyarham kedua ibubapa yang telah bersedia mengorbankan masa dan wang ringgit, mengasuh, memberi ilmu dan mendidik sehingga penulis berkesempatan berada di tahap yang ada sekarang, oleh itu, penulis dengan perasaan merendah diri menghadiahkan apa apa ganjaran pahala hasil yang di perolehi dari penulisan ini dan sesiapa yang mengambil manfaat darinya, kepada roh kedua duanya.

Begitu juga tidak ketinggalan, ucapan penghargaan kepada isteri yang telah membantu menyediakan sedikit sebanyak kemudahan kepada penulis dalam usaha menyiapkan penulisan ini dan juga sepanjang tempuh mengikuti Kursus pada akhirnya tidak lupa penulis mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak, institusi institusi pengajian, kakitangan kerajaan dan juga individu individu yang telah menghulur apa juga sumbangan yang berupa ilmu, buah fikiran dan tenaga untuk membantu penulis.

Kepada Allah jua di pohon, moga moga ia memberi ganjaran pahala yang setimpal dengan segala bentuk kerjasama dan bantuan yang telah di sumbangkan oleh pihak pihak yang terlibat sepanjang tempuh penulis menyiapkan latihan ilmiah ini. Firman Allah s.w.t. yang bermaksud, Sesungguhnya, orang orang yang beriman dan beramal Saleh, mereka akan memperolehi Syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, yang demikian itu, ialah kemenangan yang besar. Surah Al Buruj, Ayat II - Sadaqallahuwa Rusuluh.

Rawi Mat. Yaman  
 Lot, 696, Wakaf Sri Peduka,  
 Lundang, Kota Bharu,  
 KELANTAN.

ISI KANDUNGAN

HALAMAN

PERKARA

Sepatah kata	.....	...	i
Isi Kandungan	.....	...	iv
1. BAB PERTAMA-PENDAHULUAN	.....	...	I
2. OBJEKTIF KAJIAN	.....	...	I
3. SEKOP KAJIAN	.....	...	5
4. METHODOLOJI KAJIAN	.....	...	6
5. MASAALAH YANG TIMBUL	.....	...	7
6. SEJARAH RINGKAS	.....	...	8
7. PERUNTUKAN TAHKIM DALAM ISLAM	.....	...	II
8. AMALAN SISTEM HAKAM DALAM MASYARAKAT ISLAM KELANTAN	.....	...	15
BAB KEDUA - SISTEM HAKAM DALAM ISLAM	.....	...	22
1. PENGERTIAN HAKAM	.....	...	22
2. PERBEDZAAN DI ANTARA TAHKIM, KADA' IFTA' DAN SULEH	.....	...	22
3. PENGGUNAAN PERKATAAN MUHAKKAM DAN HAKAM	.....	...	28
4. BIDANG KUASA TAHKIM	.....	...	28
5. RUKUN TAHKIM DAN SYARAT SYARAT MUHAKKAM DAN HAKAM	.....	...	30
6. ACARA SABITAN TAHKIM	.....	...	33
7. KEPUTUSAN MELALUI TAHKIM	.....	...	35
8. PERLANTIKAN HAKAM	.....	...	39
9. BIDANGKUASA HAKAM	.....	...	42
10. PANDANGAN ULAMAK TERHADAP PERLANTIKAN HAKAM	.....	...	47
II. PERTELINGKAHAN AWAL	.....	...	49
12. PERCERAIAN MELALUI HAKAM	.....	...	58
13. HUKUM TALAK HAKAM	.....	...	59
14. HURAIAN MENGENAI TALAK DAN TEBUS TALAK	.....	...	66
15. TEBUS TALAK	.....	...	69
BAB KETIGA - PERUNTUKAN SISTEM HAKAM DI MAHKAMAH SYARIAH NEGERI KELANTAN.	.....	...	72
1. PERUNTUKAN PERUNTUKAN SISTEM HAKAM SEBELUM ENAKMEN KELUARGA ISLAM BIL. I TAHUN 1983	.....	...	72
2. KUASA PEMERINTAH MENGIKAT KEPUTUSAN QADHI/HAKIM	.....	...	79

3. ENAKMEN KELUARGA ISLAM NEGERI KELANTAN NO.I TAHUN 1983 ...	81
BAB KEEMPAT - ACARA PELAKSANAAN .....	90
I. PERMOHONAN CERAI .....	90
I.I. Contoh-Contoh Permohonan .....	93
A. ZAINAB BT ISMAIL V MAT DAHAN BTN KASIM .....	93
B. NISAH BT MAT V NASIR BIN ISHAK .....	95
C. HAIRUDDIN BIN ABD.MANAF V RAMLAH BT MUSTAFA .....	99
2. DAKWAAN (TUNTUTAN) CERAI .....	101
2.I. Contoh-Contoh Kis .....	102
a. CHE ESHAH BT YAJID V OTHMAN BIN MOHD NOR .....	102
b. KELSOM BT JAAFAR V AB.GHANI BIN JUSOH .....	111
c. ZUNAIDAH BT MOHAMAD V KAMARULZAMAN BIN JAAFAR .....	122
2.2. ULASAN DAN PANDANGAN .....	130
a. Pelaksanaan .....	130
b. Kos Mahkamah .....	136
c. Sebab Sebab Hukuman .....	136
d. Ipilan .....	139
e. Penangguhan Kis .....	145
f. Catitan Mahkamah .....	148
g. Penulis Mahkamah .....	151
3. AHLI JAWATANKUASA PENDAMAI .....	152
4. PERLANTIKAN HAKAM .....	154
5. HUBUNGAN HAKAM DENGAN HAKIM .....	156
BAB KELIMA - JAYA GAGALNYA SISTEM HAKAM .....	161
I. PENILAIAN KEPADA AMALAN TAHKIM DI LUAR MAHKAMAH ..	161
2. PENILAIAN KEPADA AMALAN TAHKIM DI MAHKAMAH.....	165
3. CADANGAN .....	168
a. Mempertingkat Kefahaman Masyarakat Mengenai Sistem Hakam	168
b. Menganjur Kursus tahkim Kepada Ketua Masyarakat..	170
c. Memperluaskan Peruntukan Undang Undang bagi Sistem Hakam	171

PENUTUP .....	... I77
BIBLIOGRAFI .....	... I80



BAB PERTAMA - PENDAHULUAN

OBJEKTIF KAJIAN

Tujuan utama kajian ini, adalah untuk meninjau sejauh mana sistem hakam yang terdapat dalam Islam masih dihayati dalam masyarakat Islam, khususnya dikalangan masyarakat Islam Melayu Kelantan, bagi menjamin sistem ini supaya ianya diamalkan. Kerajaan Negeri Kelantan telah memperuntukannya bukan sahaja dalam Enakmen Keluarga Islam Negeri Kelantan 1983, yang mana berkuatkuasa mulai awal tahun 1984, malahan ianya juga diperuntukan dalam Undang-Undang Mahkamah Syariah Negeri Kelantan pada masa-masa berikutnya.

Tidak dinafikan bahawa peruntukan Undang-Undang menjadi sandaran utama kepada mana-mana keputusan hakim, dan menjadi tunggak kekuatan kepada pelaksanaan keputusan itu, tapi yang menjadi bahan kajian kepada persoalan yang timbul, sejauhmana aturcara yang sedang di ikuti bagi melaksanakan sistem hakam benar benar telah menepati sistem hakam dalam Islam, dan jika di dapati apa apa kelemahan di mana mana tempat maka sudah tentu perlu kepada penambahan atau pindaan. Jika di sebut perkataan hakam, apa yang terlintas di fikiran kebanyakan orang orang islam Kelantan, ialah satu saranan yang biasa di ikuti oleh pasangan

suami isteri yang sedang berada dalam dolima pertelingkahan yang serius, di mana suami mengutus seorang hakim bagi pehaknya dan pehak isteri mengutus seorang hakim bagi pehaknya. Kedua dua hakim ini memain peranan bersama untuk mencari penyelesaian yang boleh mengatasi perbalahan mereka, sama ada keputusan daripada penyelesaian itu berkesudahan dengan perceraian atau berbaik semula, sedangkan mengikut penganalisaan penulis, sungguh pun pemikiran ini tidak terkeluar dari konsep hakam dengan pengertian yang sempit, tapi ianya di rasakan penting ada usaha ke arah pengertian umum yang tepat dan tanpa di pertikaikan lagi. Kerana pada hakikatnya perantikan hakam untuk mengatasi pertikaian di antara suami dan isteri, adalah sebahagian kecil daripada penyelesaian melalui bidangkuasa tahkim dalam Islam, ini bererti perkataan tahkim bermaksud melantik seorang atau lebih bertujuan untuk menyelesaikan mana mana pertikaian di antara dua pehak, sama ada mengenai perbalahan di antara suami dan isteri atau mengenai perkara perkara lain selain daripada perkara hudud dan kisas (1)

Di sini tiada pula persoalan lain, adakah perlu di adakan suatu perantutan Undang-Undang supaya ianya mencakupi perkara perkara yang di haruskan tahkim, untuk menggantikan

peruntukan Undang-Undang mengenai hakim yang telah sedia ada.

Islam telah menyediakan beberapa cara, yang boleh di gunakan untuk mengatasi pertelingkahan di antara dua pihak, ini bertujuan untuk memberi pilihan, cara terbaik yang lebih berkesan bagi menjaga kepentingan tali persaudaraan, lebih lebih lagi sesama orang orang Islam.

Pada prinsipnya, menyelesaikan pertelingkahan melalui pendakwaan atau dengan keputusan hakim, bukanlah pilihan yang di galakan oleh syarak, kerana ianya akan menimbulkan perasaan dendam yang berkemungkinan membawa kepada keretakan hubungan persaudaraan, oleh sebab itu, Mahkamah dalam keadaan tertentu jika pada pertimbangannya sesuatu pertikaian boleh diselesaikan melalui perdamaian dan ianya tidak membawa kepada ketaliman, maka ianya berkewajipan berusaha mendamaikan di antara yang mendakwa dan yang di dakwa, Umar bin Khatab r.a.h berkata 'hendaklah kamu menolak memberi keputusan melalui kehakiman (Qad) di kalangan keluarga kecuali setelah di beri tempoh supaya mereka berdamai, kerana penyelesaian dengan cara derikian akan menimbulkan perasaan dendam mendendam (1) pihak-pihak yang tidak ada hubungan kekeluargaan tidak terkecuali daripada gesaan ini.

---

I. Ibrahim Najib Mohd I'wadh, Al-Qada'Fil Islam, majma'ul Buhus al-Islamiah, I395H - I975M. h.253.

Jika Islam mengalok menyelesaikan pertikaian melalui perdamaian, maka begitu juga penyelesaian melalui intitusi Tahkim, kerana intitusi Tahkim adalah sebahagian daripada penyelesaian dengan cara perdamaian.

Islam menekankan bahawa setiap orang Islam, betapa perlunya menjaga tali persaudaraan, jika berlaku sebarang pertikaian di kalangan mereka, tidak seharusnya menjadi punca perkelahian yang berpanjangan dan mencetus perasaan dendam mendendam di antara satu pihak dengan pihak yang lain, Sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud - contoh kehidupan di kalangan orang-orang yang beriman dalam suasana kasih sayang, bertimbang rasa dan bermesra di ibarat, satu anggota, apabila satu anggota merasa sakit, maka keseluruhan anggota yang lain turut terasa sakit menyebabkan, terpaksa berjaga malam dan demam (1).

Clih sebab itu setiap orang Islam di kehendaki berhati-hati dan berwaspada dalam menyelesaikan pertikaian, maka cara yang lebih baik bagi menjaga keutuhan ikatan persaudaraan, ialah sebelum sesuatu pertikaian di bawa kemuka pengadilan Mahkamah, Pada peringkat permulaan, pertikaian itu sepatutnya cuba di selesaikan

dengan cara perdamaian, jika gagal dengan cara ini, cuba di buat penyelesaian melalui perlantikan hakam. Jika gagal, maka pada ketika itu baru di angkat apa yang di pertikaikan itu kepada keputusan Mahkamah, moga moga dengan pendekatan ini, dapat mengukuh perpaduan Ummah.

### SEKOP KAJIAN

Memandangkan aliran fahaman kepada konsep hakam masih menimbulkan sedikit sebanyak kekeliruan dalam pemikiran masyarakat awam, dan kurang perhatian daripada pihak pihak yang berpendidikan, maka pada pandangan penulis, kajian ini boleh di bahagi kepada tiga aspek penting iaitu :-

#### Pertama:

Mengemukakan huraian mengenai konsep hakam, dan bidang bidang lain, yang dikira ada kaitan rapat dengannya secara langsung atau sebaliknya, ini bertujuan dengan harapan supaya pihak pembaca dapat gambaran yang lebih jelas mengenai pengertian hakam.

#### Kedua:

Membincang secara agak mendalam mengenai sistem hakam yang di peruntukan dalam Enakmen Keluarga Islam Negeri Kelantan 1983, berdasar kepada peruntukan ini, penulis akan cuba memberi penjelasan

Negeri Kelantan, Tuan Imam Masjid Besar Muhamadi Kota Bharu, Kelantan, Tuan Imam Besar Kuala Krai dan Tuan Imam Masjid Tanah Merah, Kelantan dan pengumpulan kes kes Mahkamah Syariah yang ada kaitan dengan sistem hakam, sedikit sebanyak dapat membantu penulis dalam usaha menyediakan kertas kajian ini.

#### MASAALAH YANG TIMBUL

Dalam usaha penulis mengumpul bahan bahan kajian ini pada umumnya tidak bertembun dengan apa apa rintangan dan permasalahan, malahan semua pihak yang di temui, kakitangan Mahkamah dan orang persacorangan memberi kerjasama yang memuaskan, tapi apa yang menjadi kesulitan yang ketara, ialah semasa mengumpul nas nas fekah mengenai kajian ini, di dapati para ulamak membicarakan secara detil dan sistematik khusus mengenai sistem hakam dalam aspek perlantikan dua orang hakam yang di tugaskan menyelesaikan perbalahan di antara suami dan isteri, atau dengan kata lain untuk mengatasi pertelingkahan di antara mereka, ada pun perlantikan hakam dengan tujuan untuk mendamaikan pertikaian di antara dua pihak dalam aspek aspek yang lain, para ulamak memberi penjelasan secara tidak terperinci, dan kadangkala dalam bentuk andaian, dengan demikian, adalah di fikirkan patut di jadikan tanggungjawab penulis menyusun dalam bentuk yang baru dan memberi penjelasan mengikut fahaman penulis, moga moga kajian ini pada keseluruhannya senang di ikuti oleh pembaca.

## SEJARAH REDEKAS

Jika kita mengikuti sejarah kehakim di zaman Jahiliyah iaitu sebelum kedatangan Islam, di semenanjung Tanah Arab amnya dan di Kota Mekah khususnya, kita dapati tidak ada jabatan hakim, sistem Undang Undang dan Pentadbiran kehakiman, sapertimana yang ada pada masa sekarang, untuk menyelesaikan pendakwaan yang timbul di kalangan mereka, malahan apabila berlaku perselisihan di kalangan anggota satu kumpulan, maka ketua kumpulan itu, bertanggungjawab menyelesaikan pertelingkahan itu dan apabila pertelingkahan berlaku di antara satu kumpulan dengan kumpulan yang lain atau dengan kata lain di kalangan suku suku bangsa mereka, mereka hadapkan perkara yang di pertikaikan itu kepada Ahli ahli Nujum atau tukang tukang tilik untuk mendapat penyelesaian penyelesaian itu, biasanya di patuhi oleh kedua dua pihak yang bertelingkah (1)

Ketua ketua bagi setiap kumpulan, di pilih di kalangan mereka yang mempunyai sifat sifat keberanian, kemuliaan dan lemah lembut, mereka yang mempunyai ciri ciri ini menjadi asas keistimewaan dan kewibawaan untuk di terima sebagai ketua kepada kumpulan itu,

---

I. Salih Ahmad Al-Ali Muhadharah Fi-Tarikhul Arab -  
Juzu I matbaah Maa'rif - Baghdad 1955.h. 101

dan kadangkala jawatan ketua menjadi warisan kepada keturunannya selepas ibi, dengan syarat mereka mempunyai sifat-sifat kemuliaan yang tidak kurang daripada sifat-sifat kemuliaan yang ada pada bapa mereka. Hak hak yang ada pada ketua kumpulan, ialah setiap anggota dalam kumpulan itu di kehendaki mematuhi keputusan semata mata, tapi ianya tidak berhak mengenakan tindakan Undang undang dalam bentuk kebendaan untuk memaksa mereka supaya mematuhi, kerana hak hak itu tidak lebih daripada mengikut adat yang di terima turun menurun daripada nenek moyang mereka. Apabila jawatan keketuaan kepada satu kumpulan berlaku berulang kali dalam satu keluarga, maka keluarga itu akan di kenali dengan ketinggian dan kemegahan (1)

Ketika usia Rasulullah s.a.w. menjangkau <sup>Kau</sup> 35 tahun, baginda bersama-sama orang orang Qaris bahu membahu mengangkut batu bata membaharui pembinaan Ka'abah, setelah siap pembinaannya, tibalah masanya untuk meletak Hajarul Aswad ditempatnya, pada ketika itu timbullah ketegangan di kalangan suku suku bangsa mereka mengenai



siapakah di antara mereka yang mempunyai kemuliaan dan ketinggian kedudukannya untuk memikul tugas ini sehingga pertikaian ini hampir hampir meletuskan peperangan sesama mereka, tapi pada akhirnya mereka mencapai persetujuan, untuk mengatasinya dengan memberi kuasa tahkim kepada sesiapa yang mula mula sekali datang kepada mereka dari arah pintu Syaibah, apa yang telah berlaku, orang yang dikehendaki itu, tidak lain dari Rasulullah s.a.w, dengan itu mereka berkata, Inilah orang yang beramanah yang kami persetujui bersama, untuk di lantik menjadi Hakim, lantas mereka menyampai kepada baginda apa yang telah berlaku sebelumnya, maka keputusan yang dibuat oleh Rasulullah s.a.w ialah baginda menghampar kainnya dan meletakkan Hajrulaswad di atasnya, selepas itu baginda berkata, Setiap kumpulan hendaklah memegang tepi kain itu, kemudian mengangkatnya bersama sehingga sampai ketempat yang di kehendaki, apabila sampai ketempat itu, Rasulullah s.a.w mengangkat Hajrulaswad dan meletak di tempatnya. Keputusan ini menjadi lambang kebijaksanaan Rasulullah s.a.w kerana ianya memuaskan hati semua pihak (1)

Pada prinsipnya, apabila datang Islam institusi taklim yang di amalkan di zaman Jahiliah, tidak di hapuskan, malahan masih di kekalkan tapi dalam wajah yang baru, di mana segala amalan khurafat dan amalan uncu penindasan di hapuskan, dan di ganti dengan asas asas yang boleh memberi keadilan kepada kedua dua pihak yang bertelingkah dan dalam masa yang sama segala kepercayaan yang bertentangan dengan akidah Islam di ketepikan.

#### PERUNTUKAN TAKLIM DALAM ISLAM

Sumber Taklim, ialah Quran Sunnat dan Ijmak. Quran firman Allah s.w.a yang bermaksud :- dan jika kamu bimbangkan perpecahan di antara mereka berdua suami dan isteri, maka lantiklah orang tengah untuk mendaraikan mereka, iaitu seorang daripada keluarga lelaki dan seorang dari keluarga perempuan, jika kedua dua orang tengah itu, ikhlas bertujuan hendak mendaraikan mereka, nescaya Allah akan jadikan kedua dua

suami isteri itu berpakat baik. Sesungguhnya Allah senantiasanya mengetahui, lagi amat mendalam pengetahuannya (1)

Sungguh pun ayat ini dengan terang dan jelas mengharuskan melantik dua orang hakim bertujuan menyelesaikan pertelingkahan yang serius di antara suami dan isteri, para ulamak menjadikan ayat ini sebagai hujah mengharuskan dua pihak yang bertelingkah melantik mahakam supaya membuat penyelesaian terhadap pertelingkahan, mengenai perkara perkara yang di haruskan tahkim selain daripada perbalahan di antara suami dan isteri (2), kerana tujuan utama di sebalik ayat ini di turunkan, adalah menyelesaikan di antara dua pihak melalui intitansi Tahkim.

---

1. Surah Annisa' - Ayat 35.

2. Mohd Salam Madkur, Ahkamul Usrah fil Islam, Juzu' II Cetakan II, Darun-al-Arabiah. h.396 - Mohd Salam Madkur, Al-Qada' fil Islami juzu' II, cetakan II Darun-Nahdhah al-Arabiah I389H - I969M. h. I33

Sunnah;- Apa yang di nyatakan oleh Abu Suraih, bahawa Rasulullah s.a.w bersabda kepadanya, Sesungguhnya Allah jua membuat keputusan (Hakam) - kenapa kamu memanggil aku dengan gelaran Abalhakam, Suraih menjawab, sesungguhnya kaumku, ketika mereka berselisih faham mengenai sesuatu perkara, mereka berjumpaku, maka aku membuat keputusan di antara mereka, dan kedua dua pihak mempersetujui akan keputusanku, Rasulullah s.a.w bersabda, Inilah cara yang paling baik, maka siapakah di antara anak anak engkau yang lebih tua, Abu Suraih menjawab, Suraih, Rasulullah s.a.w bersabda, maka engkau lah di gelar Abu Suraih (Ayah Suraih) hadis ini di riwayat oleh Nasai.

Selain daripada itu Umar dan Ubai bin Ka'b, mengemukakan pertelingkahan mereka kepada Zaid bin Sabit, Umar dan seorang desa membawa pertelingkahan mereka supaya di takim oleh Suraih, sebelum ianya di lantik menjadi hakim (1).

Satu peristiwa di zaman pemerintahan Umar bin Khatab r.a.h, di mana Umar menawar harga seekor kuda kepada seorang lelaki, dan ia cuba menunggang kuda itu, di dapati ianya tercedera, justeru itu Umar berkata kepada tuannya, ambillah kuda kepunyaan tapi ianya menolak, lantas Umar mencadangkan supaya melantik seorang hakim untuk membuat penyelesaian di antara aku dan engkau engkau, jawab tuannya punya kuda, Suraih Al-Iraqi, maka kedua dua

pehak bersetuju meminta kepadanya membuat keputusan, kemudian Suraih membuat keputusan dengan Umar membayar ganti rugi harga kuda, di mana ianya berkata 'wahai Amirul mu'minin, hendaklah kamu terima apa yang engkau beli, atau kamu menyerah balik kuda yang engkau beli itu dalam keadaan baik sebagaimana yang kamu ambil, Umar hairan dengan keputusan itu lantas ia berkata, tidakkah keputusan Qada melainkan seperti ini, selepas itu Umar melantik Suraih menjadi Qadhi kupah (I).

Ijmak:-

Ketanyakan para sahabat, apabila melibatkan mereka dalam pertikaian, kerap kali mereka mencari penyelesaian melalui institusi tahkim, dan kepepuleriti institusi ini, tidak ada pehak yang mempertikaikannya (2).

Berdasar kepada peruntukan peruntukan di atas, para sahabat dan ulamak bersependapat bahawa islam mengiktiraf perlantikan hakam, bukan sahaja mengenai pertelingkahan yang timbul di antara pasangan suami isteri, malahan ianya boleh di laksanakan dalam perkara perkara lain selain daripada hudud dan kisas, kerana mereka yang bersetuju merujuk pertelingkahan mereka kepada kuasa tahkim, maka seharusnya mereka mempunyai kuasa menentu terhadap mereka.

- 
1. Subhiy Mahmasani Al-Mujtahidund, fil Qada' cetakan I Darul Ilmi lil-Malayin Bairut - I38IH - I962M. h. I9
  2. Ashafi'e Assaghair, Nihayatul Muhtaj, Matbaah Mustafa Al-Babiy Al-Halabi - I357H - I938M. h.230

AMALAN SISTEM HAKAM DALAM MASYARAKAT ISLAM KELANTAN

Temubual

Penulis telah menemubual beberapa orang tokoh agama, di antara mereka ialah:-

- a. Hj. Hasbullah bin Mohd Hasan, Imam Masjid Besar Muhamadi Kota Bharu, beliau mendapat pendidikan awal di beberapa buah pondok yang terkenal di Kelantan, kemudian melanjutkan pelajaran di beberapa tempat di Mekah Mukarramah, seperti Sekolah Menengah Sulutiah, di samping menadah kitab kitab Fekah di Masjid Haram, dan di Jamiah Madinah Munauwarah dalam jurusan Syariah.
- b. Hj. Nik Husain Fathi bin Hj. Wan Umar, Penggawa Daerah Ulu Kusial Tanah Merah, sebelum perang dua kedua tahun 1942, menerima pendidikan awal di sekolah Kebangsaan sehingga kelas lima, belajar di Sekolah rendah Arab, lulus peperiksaan M.C.E dan belajar agama di beberapa buah pondok.
- c. Hj. Husain bin Yunus, Imam Tua Masjid Bandar Tanah Merah, menerima pendidikan Ugama di pondok Bunut Susu Pasir Mas, belajar di Sekolah Arab Takadum Ketereh, Kota Bharu sehingga memperolehi Sijil Tinggi Ugama (S.T.U).

d. Hj. Mohd Din bin Hj. Enduk, Imam Tua Masjid Bandar Kuala Krai, belajar agama di sekolah Menengah Ma'ahad Muhamadi Kota Bharu, kemudian menyambung pelajaran di Ma'ahad Dakwah Yayasan Pengajian Islam Kelantan, Nilam Puri, serta menadiah kitab-kitab di Masjid dan sebagainya.

Hasil temubual tersebut, penulis boleh membuat rumusan seperti berikut:-

Pada keseluruhannya, boleh dikatakan masyarakat Islam Kelantan menerima sistem hakam, adalah di dorong oleh desakan untuk mengatasi pertelingkahan atau permasalahan yang mereka hadapi, khususnya perbalahan di antara suami dan isteri, dan jika ada pertelingkahan yang lain, ianya tidak terkeluar daripada masalah-masalah yang ada hubungan rapat dengan kekeluargaan seperti nafkah isteri atau anak atau jagaan anak, dan tidak ada kesedaran pada mereka, bahawa perlantikan hakam untuk menyelesaikan pertelingkahan, adalah satu cara yang di akui oleh syarak atau dengan kata lain ianya satu cara penyelesaian yang di ikuti menerusi adat, kerana itu, mereka faham, setiap keputusan melalui hakam, adalah keputusan berunsur paksaan yang mesti di patuhi.

Pada peringkat permulaan biasanya jika berlaku perbalahan di antara suami dan isteri, mereka akan menyampaikan perbalahan itu kepada orang mengira, penjaga atau pihak lain untuk mencari penyelesaian dalam bentuk perdamaian atau perceraian, jika ianya tidak dapat di selesaikan, mereka akan mengemukakan kepada Imam Imam mukim yang di tugaskan mengurus soal perkahwinan, kerana pada fahaman mereka, jika Imam Imam di tugaskan mengakad nikah, maka demikian juga menjadi tanggung jawab Imam Imam menyelesaikan apa apa pertelingkahan yang timbul selepas itu.

Jika di peringkat ini belum memperolehi apa apa penyelesaian, maka ketika itu baru di kemukakannya kepada pihak Mahkamah Syariah, kebanyakan perbalahan, adalah di sebabkan pihak suami tidak menginsafi tentang tanggung jawabnya, dan tidak kurang juga berpunca daripada hasutan pihak penjaga atau keluarga masing masing.

Pada akhir akhir ini kebanyakan perbalahan suami dan isteri di kawasan bandar Kota Bharu, berpunca daripada pihak suami yang gemar mengamalkan poligami dengan wanita wanita Thailand yang datang berkerja di bandar ini, di mana kalangan yang mengamalkan